KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	23/10/2021 (SABTU)	MUKA SURAT	:	29
JABATAN	:	-			

Taman Negara Johor dibuka 1 Nov

Tunku Idris turut berharap pengunjung akan mematuhi syarat ditetapkan

Oleh SHAFIQ TINO

JOHOR BAHRU

Kesemua Taman Negara di Johor yang diarahkan tutup berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Pelan Pemulihan Negara (PPN) sejak Jun lalu akan kembali beroperasi pada 1 November ini.



TUNKU IDRIS

Penaung Diraja Perbadanan Taman Negara Johor, Tunku Temenggung Johor, Tunku Idris Sultan Ibrahim melalui Royal Press Office pada Jumaat memaklumkan pembukaan semula itu akan merancakkan kembali sektor pelancongan Johor selain membantu meningkatkan ekonomi penduduk setempat.

Tunku Idris turut berharap pengunjung akan mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan serta sentiasa menjaga kesihatan dan keselamatan diri.

"Taman-Taman Negara Johor bukan sahaja menjanjikan sebuah destinasi ekopelancongan yang menarik buat pengunjung malah kaya dengan kepelbagaian flora dan fauna," katanya.

Terdapat tujuh lokasi yang telah diisytiharkan sebagai Taman Negara Johor di seluruh negeri membabitkan Taman Negara Endau-Rompin Peta dan Taman Negara Endau-Rompin Selai di Mersing.



Taman Negara Endau-Rompin akan dibuka semula pada 1 November depan.

Turut disenaraikan, Taman Laut Sultan Iskandar di Mersing, Taman Negara Gunung Ledang di Muar, Taman Negara Tanjung Piai, Taman Negara Pulau Kukup dan Taman Negara Ramsar yang ketiga-tiganya di Pontian.

Tunku Idris turut mengakui kesemua Taman Negara itu mempunyai peminatnya yang tersendiri selain menerima ribuan pengunjung kerana banyak aktiviti menarik di kawasan itu.

"Saya amat menggalakkan orang ramai untuk menikmati keindahan alam semula jadi di Taman Negara ini. Kedatangan pengunjung bukan sahaja membawa manfaat kepada rakyat tetapi juga pendapatan kepada Perbadanan Taman Negara Johor untuk meneruskan usaha-usaha konservasi alam sekitar.

"Pada masa sama, mari kita bersama menjaga kebersihan dan keindahan Taman Negara Johor," katanya.